

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

1. Apakah status projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang?
 - (a) Nyatakan sebab-sebab kelewatan dan tarikh dijangka siap projek berkenaan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang kini berkemajuan sebanyak 9% di tapak berbanding 11% seperti yang dijadualkan dengan kelewatan selama 12 hari.
 - (a) Kelewatan yang berlaku adalah disebabkan oleh isu pengosongan penduduk di Lot 486. Tarikh asal pengosongan adalah pada 1 Mei 2024. Walau bagaimanapun, lot tersebut hanya dikosongkan sepenuhnya pada 31 Ogos 2024. Kontraktor kini sedang melaksanakan kerja di tapak dan dijangka siap pada 20 September 2027.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

2. Apakah perancangan strategik Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir memandangkan kejadian banjir masih berlaku di Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim (tepi sungai) Jalan Sir Ibrahim?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kejadian banjir di Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim dan Jalan Sir Ibrahim adalah berpunca dari kapasiti sistem perparitan dan sungai di kawasan tersebut. Antara tindakan jangka pendek Kerajaan Negeri dalam menangani isu tersebut adalah melalui pelaksanaan kerja-kerja pembersihan sampah sarap bagi mengelakkan halangan aliran sungai dan kerja-kerja pengorekan mendapan secara berkala bagi memastikan kapasiti sungai sedia ada tidak terganggu.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga melaksanakan kawalan terhadap pembangunan baharu di kawasan tersebut. Sebarang pembangunan baharu akan disyaratkan untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) serta Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) juga kini sedang melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang dijangka siap pada 20 September 2027. Projek ini akan meningkatkan kapasiti larian air dan akan mengurangkan masalah limpahan air dari Sungai Jelutong ke sistem perparitan setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

3. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memohon peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan (KK) Jalan Perak yang merawat hampir seribu orang pesakit sehari?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang akan mengemukakan permohonan untuk meroboh dan membina baharu Klinik Kesihatan Jalan Perak melalui peruntukan Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-13 (RP1, RMK13) bagi tahun 2026. Projek ini turut merangkumi pembinaan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Timur Laut dan Jabatan serta Wad Psikiatri Hospital Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

4. Apakah keberhasilan dan faedah kepada negeri daripada lawatan ke luar negara oleh pegawai bagi mempelajari pelaksanaan Smart City sejak tahun 2022 hingga September 2024?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Keberhasilan dan faedah dari lawatan pegawai ke luar negara untuk mempelajari pelaksanaan *Smart City* boleh dilihat kepada beberapa aspek seperti berikut:
- i. Mampu memahami dengan lebih mendalam mengenai teknologi terkini yang digunakan untuk *Smart City* seperti *Internet of Things* (IoT), *big data* dan aplikasi pintar dari segi kaedah penggunaan dan mengaplikasikannya di dalam sesuatu peringkat. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui perkhidmatan yang lebih baik, pengangkutan yang efisien dan persekitaran yang lebih mesra dengan mengimplementasikan pelajaran yang diperoleh dari lawatan ke luar negara;
 - ii. Dapat mempelajari amalan terbaik dalam pelaksanaan *Smart City* dari negara lain seperti aspek teknologi, pengurusan data dan strategi penglibatan masyarakat. Di samping itu, pengalaman dari lawatan ini dapat membantu dalam merumuskan dasar dan strategi yang lebih berkesan untuk pelaksanaan *Smart City* di Negeri Pulau Pinang dengan mengambil kira keperluan dan cabaran tempatan;

- iii. Melalui pelaksanaan teknologi dan solusi yang dipelajari hasil dari lawatan luar negara, PBT mampu meningkatkan perkhidmatan awam, perancangan pengangkutan dan keselamatan serta meningkatkan kualiti hidup penduduk. Selain itu, dengan mengintegrasikan teknologi canggih dapat memacu inovasi dalam pelbagai sektor seterusnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi;
- iv. Menjadi satu *platform* penting untuk meningkatkan keupayaan dalam membangunkan *Smart City* yang berdaya saing di peringkat global. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 ke arah 'Memakmurkan Negeri Pulau Pinang' sebagai sebuah 'Negeri Pintar, Harmoni dan Bertaraf Antarabangsa', beberapa sesi lawatan penanda aras antaranya ke Chicago, Amerika Syarikat telah dianjurkan dan disertai oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi mengenal pasti amalan-amalan terbaik dalam memastikan langkah yang diambil kelak berdaya laksana;
- v. Pegawai yang terlibat bukan sahaja dapat mempelajari ilmu pengetahuan dan teknologi *Smart City* dari negara yang dikunjungi tetapi juga boleh membentangkan teknologi yang sedang digunakan di negeri ini. Ini merupakan peluang untuk perkongsian ilmu dan secara tidak langsung dapat meningkatkan reputasi negeri;
- vi. Selain itu, dengan lawatan pegawai ke luar negara juga telah memberi impak positif dalam membina reputasi negeri di peringkat antarabangsa termasuklah dengan memenangi ***Global Award for Sustainable Development in Cities (Shanghai Award) 2023***. Anugerah berprestij ini diberikan oleh UN-Habitat dan Shanghai *Municipality*;
- vii. Pengiktirafan ini merupakan satu pencapaian penting yang menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menerapkan konsep *Smart City*. Di samping itu, pengiktirafan ini juga dapat meningkatkan kredibiliti negeri sebagai pelopor dalam inisiatif bandar pintar, seterusnya dapat menarik perhatian pelabur dan pihak berkepentingan untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri;

- viii. Anugerah dan pengiktirafan seumpama ini dapat memberikan dorongan kepada pihak berwajib untuk terus berinovasi dan memperbaiki perkhidmatan bagi memastikan Negeri Pulau Pinang sentiasa berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat pembangunan yang lebih tinggi; dan
- ix. Lawatan pegawai ke luar negara juga membuka peluang untuk bekerjasama dengan bandar-bandar pintar lain di seluruh dunia, berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam pembangunan bandar pintar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

5. Nyatakan strategi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesan pemanasan global.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Strategi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesan pemanasan global adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Visi Penang2030, yang bertujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai “Negeri Hijau dan Pintar yang berteraskan Keluarga Inspirasi Negara” pada tahun 2018. Sasaran kuantitatif telah diperkenalkan, dipantau dan dilaporkan secara dalam talian untuk mempromosikan ketelusan. Sasaran yang melibatkan perubahan iklim dan kelestarian termasuk penggunaan 100% lampu jalan LED, pengurangan 20% dalam penggunaan air domestik, dan penanaman 200,000 pokok;
 - (ii) Bagi memperkukuh lagi aspek alam sekitar dalam Penang2030, Ketua Menteri melancarkan Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 (PGA) pada tahun 2021. PGA telah menyediakan kerangka kerja untuk Pulau Pinang demi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan memperkenalkan cadangan yang memberi tumpuan dalam 10 bidang termasuk ekonomi hijau, pengurusan air, pengurusan bencana, tadbir urus, bangunan hijau dan sebagainya. Sejak pelancaran tersebut, pelbagai program berfokuskan pelaksanaan telah diperkenalkan termasuk pembangunan kapasiti dari segi SDG untuk penjawat awam, penubuhan Unit Pengurusan Bencana khususnya di peringkat negeri, penerapan dasar tenaga boleh

diperbaharui dan kecekapan tenaga (RE&EE), serta pelaksanaan Program Industri Hijau Pulau Pinang (PGIP);

- (iii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Green Council (PGC) telah melaksanakan PGIP yang bermatlamatkan penerapan konsep hijau dan mampan dari segi pengeluaran dan penggunaan di Pulau Pinang, meningkatkan produktiviti industri Pulau Pinang dan akhirnya menjadikan Pulau Pinang sebagai **Green Manufacturing Hub**. Selain itu, PGIP juga berfungsi sebagai platform dalam kerjasama antara awam-swasta dalam pelaksanaan ESG, meningkatkan pembangunan kapasiti dan melaksanakan projek percontohan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga sedang menubuhkan Dana Mitigasi Iklim (CMF) untuk mempercepatkan peralihan kelestarian sektor industri;
- (iv) Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga turut bekerjasama dengan institusi antarabangsa seperti GMT-GT ASEAN dan Bank Pembangunan Asia untuk membangunkan Pelan Tindakan Bandar Hijau Pulau Pinang. Selain itu, Pulau Pinang telah dianugerah sebanyak USD 10 juta untuk satu projek adaptasi yang dikenali sebagai *Nature Based Solution Programme* yang memberi tumpuan dalam kaedah mitigasi dan adaptasi demi mengurangkan haba bandar (urban heat);
- (v) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mempromosikan Pulau Pinang yang lebih hijau termasuk kempen “Tiada Beg Plastik Percuma” yang terkenal dan berjaya, pengasingan sisa di punca, bas awam percuma, dan pembinaan lebih daripada 100 km lorong basikal yang bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon;
- (vi) Pelaksanaan Program Penanaman 1 juta Pokok Dalam Sehari Sempena Hari Bumi. Program ini bertujuan untuk mengurangkan pembalakan hutan, mengecilkan kepelbagaian biologi serta mengurangkan kesan perubahan iklim. Berdasarkan data daripada Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), lebih dari sejuta pokok ini mampu menyerap 40,000 tan karbon dioksida setahun dan usaha ini dilihat menyumbang kepada persekitaran yang lebih hijau dan sejajar dengan matlamat Pembangunan mampu disamping dapat mengurangkan kesan pemanasan global;

(vii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar turut melaksanakan strategi berikut:

- Melalui program pendidikan dan kesedaran alam sekitar seperti penanaman pokok, kitar semula, promosi *circular economy* dan lain-lain;
- Penerapan dalam pelesenan dan kelulusan Jabatan dalam rekabentuk dan operasi alternatif sumber seperti biogas;
- Menilai laporan EIA dan mencadangkan elemen kitar tenaga, *energy efficiency*, penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui seperti solar dan sebagainya;
- Menjalankan penguatkuasaan pematuhan alam sekitar secara menyeluruh;
- Menerapkan konsep *cradle to cradle* dalam pengurusan buangan terjadual;
- Pelan perancangan khas dalam meningkat kualiti petrol dan diesel negara; dan
- Memantapkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

(viii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerusi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga berperanan dalam melaksanakan program-program pengurangan kesan pemanasan global mengikut lokaliti masing-masing seperti berikut:

Majlis Bandaraya Seberang Perai:

- (a) Menetapkan sasaran menjadi Bandaraya Neutral Karbon menjelang tahun 2030 dengan mengurangkan penghasilan sampah sebanyak 50% dan meningkatkan kadar kitar semula kepada 70%;
- (b) Meningkatkan penanaman pokok baharu dengan melaksanakan program penanaman pokok *24 Hours Planting Challenge* MBSP;

- (c) Melaksanakan Seberang Perai *Climate Action Strategy* yang menggariskan risiko perubahan iklim dan cadangan adaptasi dan mitigasi yang diperlukan;
- (d) Menyediakan Pelan Tindakan Circular Economy bagi memacu sektor pengurusan sisa Pepejal di Seberang Perai; dan
- (e) Mengintegrasikan kesan fenomena perubahan iklim dalam membentuk Rancangan Tempatan Seberang Perai.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang:

- (a) Mengaplikasikan konsep bangunan hijau untuk projek-projek baharu di bawah Majlis seperti *Subterranean Penang International Convention dan Exhibition Centre (SPICE)*, Relau Sport Complex, Pasar Chowrasta, Town Hall dan sebagainya. Bangunan-bangunan ini boleh dijadikan teladan yang baik kepada para pemaju swasta, perunding dan *stakeholders* dalam industri pembinaan.
- (b) Menggariskan beberapa polisi dan syarat-syarat pembangunan mampan dalam permohonan projek pembangunan seperti:
 - Kecekapan penggunaan tenaga di dalam bangunan-bangunan bagi cadangan pemajuan ini hendaklah mematuhi Seksyen 38A & 38B Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan mengikut piawaian '*Malaysian Standard M.S. 1525*'.
 - Pemaju hendaklah mengguna pakai produk peranti air yang mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh PBAPP di dalam '*PBAPP Specification for Water Efficient Products*'.
 - Sistem pengumpulan air hujan (SPAH) hendaklah disediakan mengikut Seksyen 115 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.
 - Bagi setiap cadangan pembangunan hendaklah menggunakan '*Renewable Energy*' terutamanya dari segi penggunaan '*Solar Energy*' sekurang-kurangnya 50% kepada kegunaan kemudahan / fasiliti hak milik bersama dan di ruang-ruang hak milik bersama serta mencapai pengiktirafan '*Green Building Certification (GBC)*' pada

tahap kategori 'Gold', 'Silver' atau 'Certified' untuk keseluruhan cadangan pembangunan tersebut;

- Menyediakan lebih banyak kemudahan pengasingan dan kitar semula seperti tong sampah khas, pusat pungutan kitar semula dan lain-lain di kawasan kediaman, kawasan perniagaan dan tempat awam;
- Menyediakan perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma dalam pusat bandar bahagian George Town bermula tahun 2009 sehingga kini. Perkhidmatan Bas Shuttle Percuma ini atau lebih dikenali sebagai perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) adalah langkah awal dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBPP untuk meningkat dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di pulau, Pulau Pinang. Secara tidak langsung perkhidmatan ini dapat mengimbangi pemanasan global selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya *low-carbon*. MBPP telah menambah bilangan bas perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma daripada 3 buah bas kepada 5 buah bas bermula November 2014 memandangkan permintaan pengguna Bas CAT telah meningkat. Pada masa sekarang, lebih kurang 4,700 orang awam menggunakan perkhidmatan Bas CAT setiap hari di mana bancian MBPP menunjukkan bahawa 40% daripada pengguna perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma ini mempunyai kenderaan persendirian;
- Menyediakan laluan pejalan kaki dan laluan basikal sebagai alternatif kepada kenderaan bermotor yang mana langkah ini dapat mengurangkan pelepasan karbon ke atmosfera. Laluan pejalan kaki yang telah dibina di sekitar bandaraya George Town dari tahun 2012 hingga sekarang dan juga pembinaan laluan basikal di kawasan Pulau, Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga sekarang; dan
- Menjalankan beberapa program untuk menjimatkan tenaga elektrik dan penggunaan tenaga diperbaharui untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau seperti di '**Lampiran A**'

PROGRAM PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK DAN PENGGUNAAN TENAGA DIPERBAHARUI

BIL.	BUTIR-BUTIR PELAKSANAAN PROGRAM HIJAU	STATUS	ULASAN
1	Penggantian Lampu Jalan <i>High Pressure Sodium Vapour</i> (HPSV) Kepada Jenis <i>Light Emitting Diode</i> (LED) Di Kawasan Penyelenggaraan MBPP.	Telah siap sepenuhnya	Keseluruhan 17,542 unit lampu jalan MBPP jenis HPSV telah siap ditukar ke jenis LED.
2	Penggantian Lampu Jalan HPSV Kepada Jenis LED Bagi Lampu Jalan yang Diselenggara oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).	Telah siap sepenuhnya	Keseluruhan 15,559 unit lampu jalan TNB jenis HPSV telah siap ditukar ke jenis LED.
3	Penggantian Lampu-Lampu Jenis Konvensional Sedia Ada Kepada Lampu Jenis Cekap Tenaga Di Premis-Premis MBPP.	Telah siap sepenuhnya	Keseluruhan 9,419 unit lampu premis MBPP jenis konvensional telah siap ditukar ke jenis cekap tenaga. projek ini, penjimatan tenaga elektrik yang diperolehi telah menghasilkan pengurangan karbon sebanyak 636 ton Co2 setiap tahun.
4	Penggantian Lampu-Lampu Jenis Konvensional Sedia Ada Kepada Lampu Jenis LED Di Premis-Premis MBPP (fasa 2).	Telah siap sepenuhnya	Keseluruhan 6,129 unit lampu premis MBPP jenis konvensional telah siap ditukar ke jenis LED. Projek ini telah siap pada tahun 2023 dan dijangka dapat menghasilkan pengurangan karbon sebanyak 639 ton Co2 setiap tahun.
5	Pemasangan Lampu Solar Di Laluan-Laluan Basikal Di Kawasan Pulau, Pulau Pinang.	Program pemasangan ini berterusan mengikut keperluan tapak.	Sebanyak 103 unit lampu solar telah dipasang di laluan basikal MBPP dan akan diteruskan mengikut keperluan.

LAMPIRAN A

6	Pemasangan sistem solar di premis-premis MBPP.	Telah siap sepenuhnya.	MBPP telah memuktamadkan sepuluh (10) lokasi bagi pemasangan sistem solar dan akan meneruskan inisiatif ini pada lain-lain bangunan MBPP.
7	Pemasangan Lampu Solar Pada Pondok Perhentian Bas MBPP Di Kawasan Pulau, Pulau Pinang.	Telah siap sepenuhnya.	Sebanyak 30 unit lampu akan dipasang pada tahun 2024.
8	Perkhidmatan Menyewa Skuter Elektrik Untuk Jabatan Penguatkuasaan MBPP.	Telah digunakan	Sebanyak lima belas (15) unit skuter elektrik telah disewa mulai 01 November 2022 sehingga 01 November 2024.
9	Perkhidmatan Menyewa Skuter Elektrik Untuk Jabatan Penguatkuasaan MBPP.	Dalam proses sebut harga	Dalam perancangan sebanyak tiga puluh (30) unit skuter elektrik disewa mulai Januari 2025.
10	Perkhidmatan Menyewa Skuter Elektrik C/W Side Car Untuk Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP.	Sedang digunakan	Sebanyak sepuluh (10) unit skuter elektrik telah disewa mulai 01 Januari 2024.
11	Membekal, Menghantar, Menguji, Mendaftar Dan Mentauliahkan Satu (1) Unit <i>Sport Utility Vehicle</i> Elektrik Untuk Jabatan Pelesenan MBPP.	Sedang digunakan	Pembelian satu (1) kereta SUV elektrik telah dibuat pada tahun 2024.
12	Membekal, Menghantar, Menguji, Mendaftar Dan Mentauliahkan Satu (1) Unit <i>Sport Utility Vehicle</i> Elektrik Untuk Unit OSC MBPP.	Sedang digunakan	Pembelian satu (1) kereta SUV elektrik telah dibuat pada tahun 2024.
13	Membekal, Menghantar, Menguji, Mendaftar Dan Mentauliahkan Satu (1) Unit Kereta Elektrik (Kenderaan Rasmi) Setiausaha Bandaraya MBPP.	Sedang digunakan	Pembelian satu (1) unit kereta elektrik telah dibuat pada tahun 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

6. Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen penjimatan perbelanjaan sejak tahun 2023 bagi mengurangkan defisit tahunan. Nyatakan aktiviti yang menyumbang perbelanjaan yang tinggi.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Antara aktiviti yang menyumbang kepada perbelanjaan yang tinggi Kerajaan Negeri adalah melibatkan komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah Objek Am (OA) 40000. Dalam hubungan ini, sehingga 31 Disember 2023, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM554.20 juta bersamaan 58.23% daripada perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Negeri. Jumlah tersebut meningkat sebanyak RM167.34 juta atau 43.25% berbanding tahun 2022 di mana Kerajaan Negeri telah berbelanja sebanyak RM386.86 juta pada tahun tersebut. Namun begitu, perlu difahami bahawa peningkatan ketara dalam komponen OA 40000 bagi tahun 2023 adalah bagi menampung keperluan pemberian dan pelaksanaan projek/program pada tahun tersebut.

Di samping itu, OA 40000 turut melibatkan penyaluran geran mengurus dan program oleh Kerajaan Negeri kepada 16 Anak Syarikat Kerajaan (GLC) Negeri yang menelan kos keseluruhan sebanyak RM51.96 juta. Peningkatan penyaluran ini antara lain disebabkan oleh kenaikan emolumen dan elaun yang diperuntukkan kepada pegawai dan kakitangan GLC Negeri serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

7. Nyatakan status pelaksanaan Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang dan tarikh dijangka siap bagi fasa satu.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. MRT Corp sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke Pulau Silikon. Tarikh permulaan pembinaan tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut. Projek ini dijangka beroperasi pada tahun 2030.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

8. Adakah pelaksanaan Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang melibatkan pengambilan balik tanah?
- (a) Nyatakan secara terperinci kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Proses pewartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi koridor jajaran Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada KOMTAR ke Pulau Silikon telah dilaksanakan supaya pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja *survey* dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh berkaitan (*stakeholders*) untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.
- (a) Dianggarkan lebih kurang 30% tanah – tanah yang terlibat daripada keseluruhan jajaran fasa satu (1) iaitu daripada KOMTAR ke Pulau Silikon merupakan rizab bahu jalan di atas tanah milik Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri akan menyumbang kepada projek ini dengan menyediakan tanah untuk tapak depoh di Pulau Silikon dan tapak *stabling yard* di stesen pesta tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu diperincikan dan dibincangkan bersama pihak MRT Corp dan Kementerian Pengangkutan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

9. Apakah perancangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam mengatasi masalah pengurusan sungai dan saliran di kawasan Pulau?
- (a) Adakah produk pelancongan dapat menjadi elemen dalam projek berkenaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala di sungai-sungai kawasan pulau melibatkan kerja-kerja mendalam sungai, pemotongan rumput dan kutipan sampah di rizab sungai. Di samping itu, terdapat beberapa projek Rancangan Tebatan Banjir di kawasan Pulau yang sedang berjalan dan dalam perancangan.

JPSPP turut mengambil kira aspek pelancongan sebagai nilai tambah dalam pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian. Antara skop projek termasuk kerja-kerja pengindahan denai sungai, tempat beriadah dan rekreasi. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah pembinaan *outfall* di Sungai Batu Feringghi dan Sungai Satu serta pembinaan laluan *jogging* di Sungai Kelian. Projek terkini dalam pelaksanaan JPSPP adalah pembinaan *Blue-Green Corridor* di Sungai Keluang, Daerah Barat Daya di bawah *Penang Nature-Based Climate Adaptation Programe* (PNBCAP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA: 5(A)(IX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCHANG
YB ONG AH TEONG**

10. Nyatakan jumlah pegawai Kerajaan Negeri yang telah dituduh dan dijatuhi hukuman di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575).
- (a) Apakah tindakan pencegahan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Statistik Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melibatkan penjawat awam di Pulau Pinang adalah bagi tahun 2022 hingga Oktober 2024.

Sepanjang tahun 2022 sehingga Oktober 2024, SPRM telah menerima sebanyak 470 maklumat yang meliputi pelbagai kesalahan melibatkan penjawat awam di Pulau Pinang. Daripada keseluruhan maklumat tersebut, sebanyak 227 maklumat adalah maklumat yang berunsur rasuah dan 243 adalah maklumat yang tidak berunsur rasuah. Bagi maklumat tidak berunsur rasuah ini ada yang dibuka Kertas Penyiasatan Tatakelola oleh SPRM, dirujuk kepada jabatan dan agensi penguatkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Pecahan maklumat melibatkan penjawat awam di Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Maklumat Berunsur Rasuah	Maklumat Tidak Berunsur Rasuah
2022	71	103
2023	65	88
2024	91	52
Jumlah	227	243

Manakala bagi 227 maklumat berunsur rasuah tersebut, sebanyak 81 Kertas Siasatan telah dibuka dan 146 diambil tindakan lain seperti tindakan perisikan dan lain-lain tindakan operasi. Sepanjang tempoh yang sama SPRM telah membuat sebanyak 93 tangkapan dengan 26 pertuduhan dan 12 sabitan. Pecahan adalah seperti berikut:

Tahun	Kertas Siasatan	Lain-Lain Tindakan Operasi	Tangkapan	Tuduh	Sabitan
2022	18	53	13	7	2
2023	22	43	20	8	6
2024	41	50	60	11	4
Jumlah	81	146	93	26	12

Walaupun bagaimanapun, tiada Kertas Siasatan dibuka, pertuduhan dan sabitan dikenakan terhadap pegawai di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) sepanjang tempoh tahun 2022 hingga tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bermula pada 1 Januari 2009, SPRM beroperasi sebagai sebuah Suruhanjaya yang mengambil alih sepenuhnya tugas Badan Pencegah Rasuah (BPR). Suruhanjaya ini bertindak mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694] yang digubal bagi menggantikan Akta Pencegah Rasuah 1997 [Akta 575] dan diketuai oleh seorang Ketua Pesuruhjaya.

- (a) Antara langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mencegah rasuah dan penyelewengan adalah dengan:
- (i) Mendapat persijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS). ABMS merupakan sistem kawalan dalaman organisasi bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi. Standard ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) bahawa Kerajaan Negeri mempunyai amalan dan inisiatif antirasuah yang mencukupi dan dilaksanakan sebaiknya;
 - (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2024. Sebanyak 43 inisiatif telah dirangka, dilaksanakan dan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Kerajaan Negeri telah membangunkan Polisi Antirasuah sebagai panduan bagi menangani isu berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan di samping menerangkan secara terperinci kesalahan rasuah serta mekanisme pelaporan rasuah;
 - (iv) Kerajaan Negeri juga telah membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membolehkan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Negeri / Agensi, mana-mana penjawat awam dan orang awam (pemberi maklumat) untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.
 - (v) Selain itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pengukuhan Integriti secara tahunan seperti berikut:

- 1) Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam;
 - 2) Program Tahsin Integriti;
 - 3) Kursus *1st Class Integrity*; dan
 - 4) Seminar Kelestarian Integriti dan Antirasuah (SKIA).
- (vi) Kerajaan Negeri juga telah mengadakan kursus pemantapan kompetensi dan sahshiah seperti berikut:
- 1) Program Transformasi Minda;
 - 2) Kursus Akta Kontrak 1950;
 - 3) Kursus Asas Perolehan;
 - 4) Kursus Terimaan Hasil;
 - 5) Kursus Asas-Asas Kewangan;
 - 6) Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan;
 - 7) Budaya Kerja Kelas Pertama; dan
 - 8) Program Pembangunan Prestasi dan Kesejahteraan Pegawai Berprestasi Tinggi.
- (vii) Kerajaan Negeri telah menerima pakai Ceraian MyPPSM UP.7.2.5 Polisi Pengurusan Penerimaan atau Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam bagi menggalakkan Pegawai Kerajaan melaporkan penerimaan hadiah, meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan seterusnya menggalakkan budaya integriti di dalam jabatan / agensi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

11. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Waste to Energy (WtE) bagi pengurusan sisa pepejal?

(a) Adakah projek ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bercadang untuk membangunkan Loji *Waste to Energy* (WTE) di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) menggunakan teknologi berkonsepkan sifar sisa. Pembinaan WTE tersebut dapat menyelesaikan masalah sisa pepejal dan pada masa yang sama dapat memanjangkan hayat TPSPB. WTE tersebut sepatutnya dibuka melalui proses *Request For Proposal* (RFP) pada bulan Mac 2024 yang lalu namun proses tersebut terhenti disebabkan oleh proses kajian dan rundingan bersama Kerajaan Persekutuan bagi menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] di negeri ini.

(a) Buat masa ini, projek WTE tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh Kerajaan Negeri sedang dalam rundingan bersama Kerajaan Persekutuan bagi pemakaian Akta 672 di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

12. Berapakah jumlah kutipan fi hotel yang telah dijadikan hasil Kerajaan Negeri dari tahun 2022 hingga Oktober 2024?
- (a) Nyatakan program pelancongan yang telah digunakan dari hasil ini sehingga tahun 2024.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jumlah kutipan fi hotel yang telah dijadikan hasil Kerajaan Negeri dari tahun 2022 hingga September 2024 adalah seperti di Jadual 1:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
2022	1,458,591.00
2023	10,628,531.12
2024	8,625,617.00 (sehingga September)

Jadual 1: Kutipan Fi Hotel Tahun 2022-2024

Bagi kutipan bulan Oktober 2024, data kutipan masih belum diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan kerana laporan dikemukakan secara suku tahunan.

- (a) Program yang telah menggunakan peruntukan daripada Akaun Amanah Fi Hotel Negeri Pulau Pinang seperti Jadual 2:

TAHUN 2022

- (i) Projek Penang International Food Festival (PIFF) 2022
- (ii) Program ITB Asia Singapura 2022
- (iii) Miss Asia Global World Final

TAHUN 2023

- (i) Projek Penang International Food Festival (PIFF) 2023

Jadual 2: Program Menggunakan Peruntukan Melalui Kutipan Fi Hotel

Bermula tahun 2024, tiada program spesifik yang menggunakan peruntukan melalui kutipan fi hotel kerana kutipan fi hotel telah diakaunkan ke akaun hasil Kerajaan Negeri. RM1,000,000.00 telah diperuntukkan sebagai peruntukan kepada MMK Pelancongan bagi program dan sokongan program pelancongan melalui Pejabat YB MMK Pelancongan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

13. Adakah fi hotel yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri akan digunakan bagi membiayai Persidangan Menteri ASEAN dan Asia Pasifik yang akan diadakan sebahagian di Pulau Pinang pada tahun 2025?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Sekiranya terdapat keperluan bagi membiayai Persidangan Menteri ASEAN dan Asia Pasifik yang akan diadakan di Pulau Pinang pada tahun 2025, pembiayaan program akan menggunakan peruntukan kewangan yang bersesuaian di bawah Jabatan Kewangan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

14. Senaraikan pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi persiapan jika berlakunya bencana di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan kekuatan anggota keselamatan yang terlatih.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Sila merujuk kepada **LAMPIRAN A** untuk maklumat terperinci mengenai pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi persiapan jika berlakunya bencana di Pulau Pinang.
- (a) Jumlah kekuatan anggota keselamatan yang terlatih, adalah seperti rajah di bawah:

AGENSI/JABATAN	BILANGAN ANGGOTA (ORANG)
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	5,227
Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	2,700
Persatuan Bomba Sukarela (PBS)	835
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	793
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)	510
JUMLAH	10,065

Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah persiapan dalam menghadapi bencana di Pulau Pinang. Antaranya adalah:

1. **Pengagihan Peruntukan Bantuan Bencana – Bantuan Wang Ihsan (BWI)**

Peruntukan Bantuan Bencana – Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada setiap Pejabat Daerah Dan Tanah bagi Penyaluran Peruntukan Bantuan Awal & Tambahan kepada mangsa bencana dalam tempoh monsun Timur Laut (MTL) Tahun 2023/2024 (BWI) berjumlah RM2,000,000.00 yang disalurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Tujuan utama untuk diberikan kepada mangsa bencana banjir semasa Monsun Timur Laut (MTL). Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah mengagihkan bantuan ini kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) secara sama rata iaitu RM400,000.00 masing-masing pada tahun lalu. Bantuan ini perlu digunakan mengikut Garis Panduan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

2. **Bengkel Pengurusan Pengoperasian Bencana Negeri Pulau Pinang Siri 1 Tahun 2024**

Bengkel ini telah berlangsung dengan jayanya pada 26 Februari 2024 (Isnin) di Hotel Cititel, Georgetown. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YB. Lim Siew Kim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam. Seramai 70 orang peserta yang telah hadir melibatkan diri iaitu *Focal Person* dari setiap Pejabat Tanah dan Daerah (PDT), Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi yang menjalankan koordinasi serta respon dalam pengoperasian bencana di Pulau Pinang. Bengkel kali ini berkaitan tentang bencana tsunami sempena 20 tahun kejadian bencana tsunami di negeri Pulau Pinang.

Objektif utama bengkel ini ialah untuk meningkatkan pemahaman peserta tentang peranan dan tanggungjawab sebagai *Focal Person* / pasukan responden bencana dan memberi pendedahan strategi dan pengendalian bencana tsunami di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK). Peserta diberi pendedahan

dengan sesi taklimat berkaitan pengurusan bencana peringkat negeri dan daerah berdasarkan Arahan MKN No. 20 dan taklimat bencana tsunami oleh Jabatan Meteorologi Negeri Pulau Pinang.

3. Bengkel Pengurusan Pengoperasian Bencana Negeri Pulau Pinang Siri 2 Tahun 2024

Bengkel ini telah berlangsung dengan jayanya pada 24 September 2024 (Selasa) di Hotel Amari Spice, Bayan Lepas yang telah dirasmikan oleh YB. Lim Siew Kim, EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam serta YB Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar telah menyampaikan ucapan Perasmian Penutup.

Bengkel ini berkaitan tentang Taklimat Pengurusan Bencana peringkat Negeri Dan Daerah berdasarkan Arahan MKN No.20 oleh Tuan Shanmugam a/l Gopalan daripada Seksyen Penyeleraan Operasi NADMA diteruskan dengan taklimat bencana kebakaran oleh Tuan Hadzi bin Mohamed Yusuff daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang serta sesi perkongsian pengalaman berkenaan Bencana Banjir oleh Tuan Haji Nik Mohamed Noor bin Nik Ishak, Pengarah Bahagian Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Objektif utama bengkel ini ialah untuk meningkatkan pemahaman peserta tentang peranan dan tanggungjawab sebagai Focal Person / pasukan responden bencana dan memberi pendedahan strategi dan pengendalian bencana kebakaran peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK). Seramai 70 orang peserta yang telah hadir melibatkan diri iaitu Focal Person dari setiap Pejabat Daerah dan Tanah(PDT), Jabatan Kerajaan dan agensi-agensy yang menjalankan koordinasi serta respon dalam pengoperasian bencana di Pulau Pinang.

4. **Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Negeri Pulau Pinang**

Georgetown World Heritage Incorporated(GTWHI) telah mengadakan satu Latihan responder Kebakaran Berasaskan Komuniti untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO Georgetown pada 27 April 2024 di Pejabat Urusan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI). Unit Pengurusan Bencana (UPB) mengambil kesempatan ini untuk memberi taklimat mitigasi pengurusan bencana di Negeri Pulau Pinang. UPB juga menyampaikan maklumat berkenaan bantuan-bantuan yang disalurkan oleh kerajaan bagi mangsa yang terjejas akibat bencana serta cara memohon bantuan tersebut.

Objektif Utama program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada warga kota Pulau Pinang tentang mitigasi bencana dengan lebih lanjut. Peserta dapat memperolehi maklumat yang lebih lanjut berkaitan dengan jenis bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan negeri kepada mangsa mangsa bencana. Seramai 26 orang peserta yang hadir dalam menjayakan program ini.

5. **Tabletop Exercise (TTX) Pengurusan Bencana Industri Tahun 2024**

Tabletop Exercise (TTX) Pengurusan Bencana Industri Tahun 2024 dirancang untuk dilaksanakan pada 2 Mei 2024 (Khamis) di Lexis Suites Penang, Bayan Lepas. Tujuan utama TTX ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan keupayaan tentang senario yang akan bakal dilaksanakan semasa Latihan Simulasi Bencana Industri.

Program ini dianjurkan oleh Unit Pengurusan Bencana dengan Kerjasama pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku moderator untuk TTX ini. Objektif TTX ini dijalankan untuk meningkatkan kefahaman dan kesiapsiagaan setiap Agensi/Jabatan yang berkaitan terhadap kaedah serta strategi pengendalian bencana industri. Seramai 110 orang wakil/peserta yang telah hadir untuk program TTX ini termasuk pihak Urus setia, Peserta TTX, Pengadil dan Pemerhati.

6. Latihan Simulasi Bencana Industri Negeri Pulau Pinang, Tahun 2024

Program Latihan Simulasi Bencana Industri Negeri Pulau Pinang tahun 2024 adalah program yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Bencana, PSUKPP bersama-sama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Pulau Pinang serta Penang Port Sdn.Bhd pada 21 Mei 2024 di Perai Bulk Cargo Terminal (PBCT), Seberang Perai Tengah. Latihan Simulasi Bencana Industri Tahun 2024 telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yew, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Penganjuran latihan simulasi ini adalah untuk mengukur tahap kesiapsiagaan serta menguji pelan kecemasan luar tapak di pepasangan bahaya besar dan kaedah pengurusan dalam menangani bencana oleh setiap agensi yang terlibat di kawasan Perai Bulk Cargo Terminal (PBCT) kerana ia merupakan salah satu kawasan berisiko tinggi bencana industri berlaku. Objektif utama adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kesiapsiagaan semua pihak termasuk orang awam dalam menghadapi bencana industri serta unuk mengelakan kehilangan nyawa dan kecederaan dalam kalangan pekerja di tapak dan orang awam di luar tapak. Seramai 500 orang peserta/mangsa daripada 46 buah agensi responder dan pelbagai jabatan / agensi lain akan menyertai latihan simulasi ini.

7. Bengkel Pemurnian Garis Panduan Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang dan Pemurnian Wang Panjar Khas Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri

Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah mengadakan Bengkel Pemurnian Garis Panduan Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang dan Pemurnian Wang Panjar Khas Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri pada 23 Julai 2024 di Dewa Serbaguna Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah bagi memurnikan Garis Panduan Tabung Bencana Negeri selaras dengan keputusan mesyuarat yang telah dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa Tabung Bencana Negeri bagi memudahcara urusan penyaluran bantuan tersebut. Selain itu, terdapat juga keperluan untuk pemurnian Wang Panjar Khas Krisis memandangkan terdapat cadangan daripada ahli mesyuarat penyelarasan kewangan supaya amaun rekupmen ditingkatkan untuk digunakan sewaktu bencana atau krisis berlaku dan ini akan memudahkan urusan pengoperasian sewaktu bencana/krisis. Seramai 30 orang peserta yang telah hadir melibatkan wakil setiap Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) yang menguruskan bantuan bencana serta yang menguruskan bahagian kewangan. Seterusnya, Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) juga dijemput hadir untuk memberikan cadangan dan pandangan untuk pemurnian Garis Panduan tersebut.

8. Mengemaskini maklumat Senarai Penerima SMS Amaran Cuaca Pulau Pinang kepada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Pulau Pinang

UPB telah memberikan maklum balas terhadap emel yang diterima daripada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Pulau Pinang berkaitan pengemaskinian maklumat penerima SMS bagi amaran cuaca di Negeri Pulau Pinang. Pihak kami telah menyenaraikan sebanyak 17 individu yang terdiri daripada Pengarah Jabatan dan Ketua Jabatan dari pelbagai jabatan dan agensi yang akan menerima amaran SMS ini.

Tujuan penghantaran SMS amaran adalah untuk memberi makluman awal berkenaan ramalan cuaca yang menunjukkan kemungkinan berlakunya banjir serta keadaan cuaca semasa. Selain itu, SMS ini bertujuan sebagai langkah persediaan dan tindakan supaya ketua jabatan dapat mengambil langkah-langkah keselamatan yang sesuai bagi melindungi anggota dan aset jabatan. SMS ini juga berfungsi untuk menyelaraskan maklumat berkenaan sumber yang diperlukan dalam menghadapi kemungkinan banjir, termasuk pasukan penyelamat dan peralatan yang relevan.

9. Pelaksanaan Aplikasi Defence Geospatial Information Management (DGIM)

Pelaksanaan Aplikasi Defence Geospatial Information Management (DGIM) telah dilaksanakan pada 10 September 2024. Sesi ini dianjurkan oleh pihak NADMA untuk semua negeri. Sesi ini berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang yang melibatkan semua daerah di Negeri Pulau Pinang. Laporan post-mortem penggunaan aplikasi telah dikumpulkan dan dihantar kepada pihak NADMA.

Tujuan aplikasi DGIM ini adalah untuk memudahkan laporan awal bencana dibuat oleh pihak APM apabila berlakunya bencana dan memudahkan pemantauan di pelbagai peringkat terutamanya di peringkat negeri dan pusat. Aplikasi ini akan digunakan secara rasmi di seluruh negara bermula musim Monsun Timur Laut nanti.

10. Pelan Strategik Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang Tahun 2025-2030

Unit Pengurusan Bencana (UPB) dalam penyediaan merangka Pelan Strategik Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang Tahun 2024-2030 dengan kerjasama pihak Universiti Sains Malaysia (USM) dan pihak Penang Green Council (PGC). Rangka pelan strategik ini telahpun dibentangkan kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di setiap daerah bagi mendapatkan *input* serta maklum balas. Setakat ini, draf Pelan Strategik Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang Tahun 2025-2030 telah pun dibuat dan akan dibentangkan semula kepada semua Pegawai Daerah.

11. Infografik Bencana Tahun 2024

Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah mengambil inisiatif bagi mengeluarkan infografik berkaitan bencana bermula dari tahun 2023. Sebanyak sepuluh (10) infografik telah dikeluarkan setakat ini iaitu (13) pada tahun 2023 dan (7) pada tahun 2024. Tajuk infografik bencana ini juga dipelbagaikan mengikut kesesuaian semasa dan dirujuk dari pelbagai sumber

agensi seperti Jabatan Metrologi Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Semua infografik boleh didapati melalui Sistem Penang Alert dan laman sosial rasmi *Facebook* Unit Pengurusan Bencana, Pejabat SUK Pulau Pinang.

12. Jadual Tugas Bilik Gerakan Negeri

Jadual Bertugas Harian bagi petugas Bilik Gerakan Negeri (BGN) akan dikemaskini setiap tiga (3) bulan, merangkumi tiga (3) syif iaitu pagi, petang, dan malam. Setiap shif akan dianggotai oleh empat (4) anggota/pegawai, di mana seorang Ketua Petugas Harian BGN akan dilantik bagi mengemukakan Laporan BGN pada akhir setiap syif melalui emel kepada pihak pentadbiran ini.

13. RAKAN UPB

RAKAN UPB merupakan satu platform kerjasama yang bertujuan dalam meningkatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam aspek pengurusan bencana meliputi aspek sebelum, semasa dan selepas bencana. Setakat hari ini sebanyak 17 NGO telah berdaftar di bawah platform Rakan UPB ini. Tujuan utama penubuhan Rakan UPB ini adalah untuk membantu mangsa bencana dengan menyalurkan bantuan keperluan semasa di PPS. Pentadbiran ini dalam langkah/proses untuk mengadakan satu majlis apresiasi kepada semua NGO yang berdaftar melalui membagi sijil penyertaan dalam platform Rakan UPB ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

15. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengadakan pelaksanaan ChatGPT bagi mengurangkan isu komunikasi dalam perkhidmatan Majlis. Nyatakan status pelaksanaan dan keberkesanaan projek berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Selaras dengan visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar pintar bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan satu transformasi digital melalui penggunaan teknologi 'Gen.AI *Chatbot*' yang dikenali sebagai '*ChatMBPP*'. Inisiatif inovatif ini merupakan satu langkah strategik dalam usaha MBPP untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada warga Pulau Pinang.

Buat masa ini, pihak MBPP telah menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pelaksanaan Fasa *Beta Testing* '*Gen.AI Chatbot*' pada sepanjang tahun 2024. Kini, projek tersebut dalam proses pengiklanan *Request for Proposal* (RFP) dan dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2025.

Dari segi keberkesanan pula, projek ini dijangka akan mempertingkatkan gaya komunikasi dan mutu penyampaian perkhidmatan MBPP melalui teknologi 'Gen.AI' yang terkini, responsif dan mesra pengguna. Selain itu, sistem ini juga dijangka akan dapat memudahkan akses maklumat dan perkhidmatan MBPP secara masa nyata bagi memastikan setiap maklumat yang disampaikan adalah tepat dan terkini. Di samping

itu, '*ChatMBPP*' ini akan mengoptimumkan pengendalian pertanyaan awam dan jabatan dalaman, seterusnya meningkatkan produktiviti dan mengurangkan masa menunggu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

16. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menggunakan Sistem Pengurusan Bencana sepertimana pameran pada September 2024. Nyatakan sama ada sistem berkenaan akan memberi isyarat awal jika bencana berlaku.

(a) Apakah kebaikan sistem ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Ya. Sistem ini akan memberi isyarat awal melalui tiga (3) kategori pemantauan seperti berikut:

(i) **Pemantauan melalui Stesen Cuaca;**

Terdapat 26 buah stesen cuaca yang dipasang di lokasi strategik mengikut kawasan KADUN dan *hotspot*. Ini membolehkan pengumpulan data cuaca secara masa nyata untuk menganalisis bencana.

(ii) **Pemantauan melalui Agensi Luaran; dan**

Bekerjasama dengan agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (Meteo), dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan bencana.

(iii) **Pemantauan melalui *Crowdsourcing/Open Sourcing Platform*.**

Penggunaan platform seperti RAIN Alarm, Windy Apps, dan Tides untuk mengumpul maklumat daripada orang ramai membolehkan pemantauan yang lebih luas dengan pelbagai sumber.

Ketiga-tiga kaedah ini juga telah diintegrasikan ke dalam ***Digital Twin Platform - Module Weather Monitoring (Virtual Island of Penang)***, yang berfungsi untuk pemantauan bencana secara komprehensif.

- (a) Sistem ini dapat membantu dengan memberikan jangkaan masa bencana dan dapat mempercepat masa tindakan (*response time*) supaya pihak Kerajaan bersiap siaga menghadapi bencana.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

17. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai home port bagi aktiviti kapal persiaran mewah sepertimana dilaksanakan oleh Singapura?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Pelabuhan *Swettenham Pier Cruise Terminal* perlu dinaik taraf jika pelabuhan tersebut ingin dijadikan sebagai *home port* kepada aktiviti kapal persiaran mewah.

Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) mengambil langkah yang lebih realistik dengan secara konsisten mempromosikan pelancongan pelayaran dengan mewujudkan perkongsian strategik dengan laluan pelayaran antarabangsa. Tahun ini, PGT mengambil bahagian dalam acara industri berkaitan pelayaran seperti CruiseWorld Asia di Singapura untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelayaran terkemuka. Pulau Pinang berhubung dengan pihak berkepentingan pelancongan global, mempromosikan lokasi strategik dan tarikan kebudayaan di Pulau Pinang. Jangkauan ini digabungkan dengan usaha pemasaran digital yang menyasarkan pelancong dari Singapura, Indonesia dan Eropah serta memastikan aliran pelancong pelayaran yang konsisten ke negeri ini. Promosi aktif di platform antarabangsa ini sejajar dengan komitmen Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan rakan industri dan menyesuaikan diri dengan permintaan pelancongan pelayaran yang terus berkembang dan meletakkan Pulau Pinang sebagai persinggahan yang rancak dalam jadual perjalanan pelayaran Asia Tenggara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

18. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan terowong SMART (Stormwater Management and Road Tunnel) bagi mengatasi masalah banjir dan kesesakan trafik di Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan terowong SMART (Stormwater Management and Road Tunnel) di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, perkara tersebut akan diberi pertimbangan jika terdapat keperluan mendesak dan ketersediaan peruntukan di masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

19. Nyatakan jumlah projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang telah disiapkan dan dalam pelaksanaan pembinaan.
- (a) Terangkan sama ada projek berkenaan telah mengatasi masalah perumahan di kawasan Pulau.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri selaras dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1 iaitu 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan'. Kerajaan Negeri mensasarkan pembekalan sebanyak 220,000 unit RMM menjelang tahun 2030 dan sehingga tarikh berakhir 30 September 2024, pencapaian telah mencecah sebanyak 162,689 unit bersamaan 73.95%. Perincian mengikut jenis RMM dan status pelaksanaan adalah seperti **Jadual 1** berikut:-

Jenis RMM / Status	Siap dibina	Pelbagai Peringkat Pembinaan	Peringkat Perancangan
162,689	51,680	22,456	88,553
RMM A	21,405	3,949	8,517
RMM B	15,475	2,275	16,613
RMM C	14,800	16,232	63,423

Jadual 1

- (a) Mengikut data statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang (DOSM), anggaran

penduduk di Pulau Pinang pada tahun 2024 telah mencecah 1.8 juta penduduk. Daripada angka tersebut, dianggarkan sebanyak 818,000 penduduk mendiami kawasan Pulau iaitu di Daerah Timur Laut (DTL) dan di Daerah Barat Daya (DBD). Ia menyumbang terus kepada permintaan tinggi terhadap perumahan di kawasan Pulau. Berdasarkan pangkalan data perumahan di Pulau Pinang, sebanyak 90,582 unit dibekalkan di kawasan Pulau merangkumi 30,460 unit yang telah siap dibina, 12,700 unit dalam peringkat pembinaan dan 47,422 unit dalam peringkat perancangan. Pembekalan unit-unit RMM ini dilihat dapat memberi manfaat kepada hampir separuh daripada jumlah penduduk di kawasan Pulau dan secara tidak langsung ia dapat mengatasi isu permintaan perumahan di Negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan Pulau.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

20. Senaraikan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi meringankan kos sara hidup golongan B40 dan M40.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam meringankan kos sara hidup golongan B40 dan M40 di negeri ini. Antara perancangan yang telah dilaksanakan merangkumi:

- (a) Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan;
- (b) Memberi bantuan kewangan secara bulanan berdasarkan kelayakan melalui Program BAES untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Kadar pendapatan Per Kapita (PPK) semasa bagi Negeri Pulau Pinang akan ditingkatkan dari RM260 ke RM322 bermula 1 Januari 2025;
- (c) Melaksanakan Program 2 Years Exit Programme (2YEP) kepada penerima-penerima bantuan JKM yang layak. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peserta program ke arah kehidupan yang lebih berdikari agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjanaaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;

- (d) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;
- (e) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi untuk peniaga kecil. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada;
- (f) Menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan berpendapatan rendah untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan B40 dan M40 ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka;
- (g) Menyediakan kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 dan M40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun; dan

- (h) Memberi bantuan makanan kepada golongan sasaran yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin. Program yang dinamakan sebagai Program Mutiara Foodbank ini berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang kepada penerima manfaat.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan turut memperkenalkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sebagai usaha bagi meringankan kos sara hidup golongan B40 dan M40. IPR menumpukan kepada pengupayaan golongan termiskin supaya meningkatkan potensi pendapatan. Tiga (3) inisiatif yang diberi tumpuan di bawah IPR adalah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

21. Nyatakan pelaksanaan projek yang menyokong pelaksanaan Blueprint Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal (2025-2035) bagi pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan pengurusan sisa pepejal di negeri ini lebih cekap, berkesan dan berkualiti tinggi. Antara usaha yang dilaksanakan di peringkat Negeri Pulau Pinang dalam menyokong pelaksanaan *Blueprint* Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal (2025-2035) adalah seperti berikut:-
- (i) Pengaktifan semula penguatkuasaan Dasar Pengasingan di Punca bermula 1 Julai 2024, terpakai kepada semua jenis kediaman bertanah, bertingkat, premis komersial dan institusi pendidikan;
 - (ii) Pelaksanaan pelesenan Pemungut Kitar Semula bagi menggalakkan pemungut kitar semula berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - (iii) Penetapan Syarat-syarat Tambahan dalam Pelan Kebenaran Merancang bagi pengurusan sisa binaan kepada pemaju hartanah;
 - (iv) Pelaksanaan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Lestari;

- (v) Pemulihan semula Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa 1 untuk proses pengekstrakan gas, penghasilan solar, pengeluaran biogas dan lain-lain;
- (vi) Menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak swasta dalam melaksanakan program kitar semula di kawasan perumahan bertanah dan bertingkat melalui Program *Extended Producer Responsibility* (EPR);
- (vii) Menyediakan Pusat Pemprosesan dan Rawatan Sisa Pepejal (ISWMC) di Ampang Jajar;
- (viii) Kempen Kesedaran Pengasingan Sisa Makanan;
- (ix) Menyediakan Pusat Pemprosesan dan Rawatan Sisa Makanan dan Organik;
- (x) Penyediaan Garis Panduan *Urban Farming* dan pendidikan mengenai pengkomposan sisa makanan dan organik;
- (xi) Kerjasama antara syarikat swasta untuk pemprosesan makanan dan sisa organik;
- (xii) Pelaksanaan program *match-making* menggunakan sisa pepejal sebagai bahan mentah;
- (xiii) Melaksanakan Program *Trash for Cash*;
- (xiv) Meningkatkan penggunaan pusat kitar semula di kawasan pembangunan strata;
- (xv) Kempen Pendidikan Plastik Sekali Guna;
- (xvi) Garis Panduan Kemudahan Pemprosesan Sisa Binaan; dan
- (xvii) Garis Panduan Penggunaan Semula Sisa Binaan Untuk Pembangunan Baharu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

22. Kejadian pokok tumbang sehingga meragut nyawa telah memberikan impak negatif kepada industri pelancongan Pulau Pinang. Nyatakan pelan tindakan bagi mengatasi masalah ini dari berulang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Bagi memastikan impak negatif kepada industri pelancongan Negeri Pulau Pinang akibat kejadian pokok tumbang yang telah meragut nyawa orang awam dapat diatasi, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah merancang beberapa pelan tindakan bagi mengatasi masalah ini berulang. Pelan tindakan bagi kedua-dua PBT adalah berbeza antara satu sama lain disebabkan oleh faktor-faktor kawasan lokaliti yang berbeza. Pelan tindakan yang dirancang dan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

(a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- (i) Memperluas kawasan kerja-kerja dengan pelaksanaan Penilaian Risiko Pokok (*Tree Risk Assessment*) pada tahun 2025;
- (ii) Melaksanakan penilaian tahap ketiga ke atas pokok-pokok berusia dan matang mengikut praktis arborikultur dan penyelenggaraan pokok bagi mengurangkan kes kejadian pokok tumbang di 12 jalan utama yang terdiri daripada Jalan Residen, Jalan York, Jalan Scotland, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Pangkor, Jalan Anson, Masjid Kapitan Keling, Lebuhraya Maktab, Jalan Batu

Gantung, Jalan Gottlieb, Jalan Masjid Negeri dan Jalan Midland;

- (iii) Menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM1.1 juta bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja inventori pokok dengan menggunakan teknologi *Smart Tree Inventory System* (LIDAR) dan menganalisis maklumat inventori pokok melalui 4D '*Digital Twin*' bagi seluruh kawasan pentadbiran MBPP; dan
- (iv) Menggunakan teknologi satelit untuk mengesan tahap kesihatan pokok-pokok dalam memacu agenda hijau melalui penyediaan peruntukan berjumlah RM1.0 juta bagi membuat imbasan kesihatan pokok dengan menggunakan satelit untuk memberi amaran awal tentang kesihatan pokok-pokok terutamanya di kawasan bandar;

(b) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- (i) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok di seluruh Seberang Perai sebanyak 21,291 batang pokok bermula Januari 2024 sehingga September 2024;
- (ii) Melaksanakan perolehan perkhidmatan penyelenggaraan pokok ameniti di seluruh Seberang Perai termasuk kawasan lapang dan kawasan perindustrian melalui kontraktor di tujuh (7) buah Parlimen di seluruh Seberang Perai dengan anggaran pokok terlibat adalah sebanyak 1,500 batang pokok;
- (iii) Melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan pokok ameniti dengan menggunakan borang *Visual Tree Assessment* (VTA) atau borang penilaian awalan pokok ameniti, borang pemeriksaan tumbuhan dan penggunaan teknologi LIDAR di kawasan *hotspot* atau kawasan yang mempunyai pokok yang berisiko di Seberang Perai;
- (iv) Melaksanakan gotong-royong bagi kerja-kerja pemangkasan pokok bagi menyelesaikan aduan pokok berisiko/berbahaya di ketiga-tiga daerah di dalam kawasan Seberang Perai; dan

- (v) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok di jalan-jalan utama secara berkala pada setiap hujung minggu bermula pada minggu pertama bulan Oktober 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

23. Terdapat aduan dari syarikat penerbangan mengenai peningkatan populasi burung di kawasan lapangan terbang. Nyatakan tindakan bagi mengurangkan populasi burung di kawasan berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Antara tindakan yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi mengurangkan populasi burung di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Menggunakan kaedah perangkap dan mencangkuk sarang dari semasa ke semasa;
 - (ii) Menjalankan operasi menembak gagak dengan bantuan daripada Kelab Menembak Pulau Pinang pada hari Ahad bermula pada bulan Julai sehingga Disember setiap tahun di lokasi yang berdekatan; dan
 - (iii) Mencadangkan kepada pihak pengurusan lapangan terbang supaya mendapatkan khidmat kawalan perosak (*pest control*) yang bertauliah bagi menangani isu tersebut memandangkan kawasan berkenaan di bawah seliaan pihak pengurusan lapangan terbang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

24. Nyatakan statistik penyakit berjangkit di kawasan Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Penyakit berjangkit masih menjadi isu yang signifikan dalam kesihatan awam di Pulau Pinang. Bagi tahun 2024, lima (5) penyakit berjangkit yang sering dilaporkan di Pulau Pinang adalah COVID-19, Demam Denggi, penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD), Tuberculosis (TB) dan Keracunan Makanan (KRM).

Bagi tahun 2024 terdapat tren penurunan bagi penyakit COVID-19, demam denggi dan HFMD. Manakala bagi penyakit TB dan wabak keracunan makanan terdapat peningkatan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Statistik bagi penyakit berjangkit adalah seperti berikut:

Jenis Penyakit	Jumlah Kes 2023	Jumlah Kes 2024 (Sehingga Oktober)
Covid-19	5,498	4,982
Demam Denggi	6,215	3,717
HFMD	7,087	2,583
Tuberculosis	1,090	1,101
Keracunan Makanan	7	18

- (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang komited menjalankan pelbagai tindakan kawalan dan pencegahan bagi membendung penularan penyakit berjangkit di Pulau Pinang. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah:
- (i) Program pemantauan harian penyakit berjangkit melalui sistem *e-notifikasi* dilakukan untuk pengesanan awal dan mengenalpasti wabak supaya tindakan kawalan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan;
 - (ii) Kempen pendidikan kesihatan dan kesedaran mengenai pencegahan penyakit berjangkit;
 - (iii) Sebanyak lima (5) sesi *townhall meeting* telah dijalankan melibatkan keseluruhan pusat jagaan kanak-kanak, taska, tadika dan pra-sekolah di semua daerah bagi memperkasa tindakan kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit terutamanya HFMD;
 - (iv) Aktiviti pembersihan kawasan awam dan pembuangan sampah yang betul untuk mengurangkan pembiakan serangga pembawa penyakit seperti nyamuk;
 - (v) Bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan agensi lain untuk meningkatkan kesedaran dan menjalankan aktiviti kawalan penyakit berjangkit; dan
 - (vi) Tindakan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam iaitu Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

25. Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan mutu atlet Pulau Pinang?
- (a) Apakah hasil post mortem atlet Pulau Pinang dari Sukan Malaysia (SUKMA) 2024?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Mesyuarat *Post Mortem* Sukan Malaysia ke 21 (SUKMA) yang berlangsung di Sarawak 2024 sedang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bermula dari 4 hingga 18 November 2024 yang melibatkan 35 jenis sukan yang disertai. Hasil daripada mesyuarat tersebut, MSNPP bersama dengan Persatuan Sukan Negeri yang terlibat adalah mengekalkan rentak pembangunan sedia ada bagi menghasilkan kejayaan yang lebih baik pada masa-masa akan datang.

Selain itu, MSNPP akan membuat penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi sukan negeri ini dengan memasukkan elemen sains sukan, teknologi terkini serta kepintaran AI dalam memberi latihan kepada atlet-atlet berprestasi tinggi negeri di Pulau Pinang.

Bagi SUKMA Selangor 2026 yang akan datang, langkah utama yang ditekankan dan diterapkan secara keseluruhannya membabitkan 28 jenis sukan wajib yang akan dianjurkan di Negeri Selangor adalah:

- (i) Perbanyakkan Atlet ke Program Pelapis Kebangsaan.

- (ii) Menyerap masuk atlet daripada sukan sekolah negeri, MSSPP, MSSM ke dalam program latihan SUKMA negeri.
- (iii) Memberi peluang kepada atlet-atlet daripada kelab persendirian dan swasta ke dalam program latihan pembangunan negeri.
- (iv) Pencarian atlet yang mempunyai kriteria posisi tubuh badan mengikut sukan seperti tinggi, berat badan, fizikal dan kecergasan badan yang sesuai.
- (v) Memperbanyakkan waktu latihan atlet daripada waktu latihan sedia ada.
- (vi) Meningkatkan kemahiran jurulatih dari segi sains sukan dan sukan spesifik secara berterusan.
- (vii) Mengenalpasti taraf kejohanan yang disertai agar kualiti atlet ditingkatkan dan bersaing dengan atlet sebenar dari negeri-negeri saingan.
- (viii) Memperbanyakkan perwakilan teknikal, juri, pengadil, dan wasit di peringkat sukan kebangsaan.
- (ix) Menilai prestasi atlet dalam latihan secara berkala.
- (x) Pembangunan atlet berteraskan acara sukan spesifik dalam setiap program latihan yang dikendalikan oleh Jurulatih SUKMA Negeri.
- (xi) Memperluaskan rangkaian penyaluran serta penerapan elemen sains sukan seperti pemakanan, psikologi, suaian fizikal terhadap jurulatih sukan sedia ada agar pasukan yang dibentuk dapat menghasilkan kualiti atlet yang terbaik.
- (xii) Mengekalkan kuantiti atlet dalam senarai *Long List* dan *Shortlist* dalam jumlah yang terkawal agar penyaluran latihan secara sistematik dapat diusahakan secara berterusan dan tidak putus di pertengahan jalan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

26. Berapakah jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diperolehi oleh Pulau Pinang dari tahun 2023 sehingga kini? Senaraikan jumlah pelaburan di Pulau Pinang mengikut negara.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diperolehi oleh Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah sebanyak RM60.1 bilion dan sehingga pertengahan tahun 2024 adalah sebanyak RM3.7 bilion. Jumlah keseluruhan FDI dari tahun 2023 sehingga pertengahan tahun 2024 adalah sebanyak RM63.8 bilion.

Jumlah pelaburan di Pulau Pinang mengikut lima negara utama yang melabur adalah seperti jadual:

Jumlah Pelaburan Mengikut 5 Negara Utama

Tahun	5 negara utama yang melabur di Pulau Pinang	Nilai Pelaburan Langsung Asing (RM juta)
2023	1. Belanda	26,595.8
	2. Pulau Cayman	15,953.4
	3. Singapura	7,050.7
	4. Amerika Syarikat	6,663.4
	5. China	1,695.8
Sehingga Pertengahan 2024	1. Taiwan	2,107.9
	2. Amerika Syarikat	414.8
	3. China	411.8
	4. Singapura	363.1

Tahun	5 negara utama yang melabur di Pulau Pinang	Nilai Pelaburan Langsung Asing (RM juta)
	5. Norway	153.0

Sumber: MIDA (Sehingga suku kedua 2024 sahaja)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

27. Apakah status industri berasaskan elektronik dan semikonduktor di Pulau Pinang?
- (a) Adakah syarikat multinasional sedia ada akan beralih ke negara lain bagi mendapatkan kos lebih berdaya saing?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Industri berasaskan elektronik dan semikonduktor masih merupakan sektor industri yang paling penting untuk Negeri Pulau Pinang. Kebanyakan kilang-kilang pembuatan di negeri ini terlibat dalam ekosistem industri elektronik dan semikonduktor. Negeri Pulau Pinang mempunyai ekosistem semikonduktor yang paling lengkap di antara semua negeri di dalam Malaysia dan terkenal sebagai *Silicon Valley of the East*.

Selain daripada pengukuhan kedudukan Negeri Pulau Pinang dalam sektor pembuatan industri elektronik dan semikonduktor, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk membangunkan sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D) semikonduktor, contohnya reka bentuk litar bersepadu (IC), reka bentuk cip dan sebagainya di mana beberapa inisiatif telah dilancarkan baru-baru ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* dengan kerjasama antara kerajaan, akademik dan industri bertujuan untuk meningkatkan inovasi dan pertumbuhan Malaysia dalam industri mewah. Inisiatif ini terdiri daripada tiga projek utama iaitu rekabentuk IC Pulau Pinang & Taman Digital, Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang dan Ruang Inkubasi dan Penyelidikan Silicon. Inisiatif baharu ini memberi tumpuan dalam mewujudkan ekosistem yang unik dan saling berkaitan untuk reka bentuk IC dan perusahaan teknologi serta semuanya dalam radius 5 km+ dari Taman Perindustrian Bayan

Lepas dengan bertujuan untuk memacu inovasi dalam sektor semikonduktor.

- (a) Secara umumnya, syarikat-syarikat memang sentiasa mengkaji daya saing (*competitiveness*) semua kawasan operasinya dan mengambil tindakan-tindakan yang berfaedah untuk perniagaan mereka dari semasa ke semasa. Sekiranya kos pembuatan merupakan faktor kritikal perniagaan mereka, maka beralih ke tempat yang kos lebih rendah mungkin merupakan tindakan strategik syarikat tersebut.

Tahap kos perniagaan di Negeri Pulau Pinang berada di dalam lingkungan sederhana di mana ia lebih murah jika dibandingkan dengan negara maju seperti Singapura, Jepun, Switzerland serta Lembah Klang. Akan tetapi, ia lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Vietnam, Indonesia dan beberapa negeri dalam Malaysia.

Namun begitu, Negeri Pulau Pinang mempunyai kelebihan dan keunikannya tersendiri seperti ekosistem industri yang berpengalaman selama 50 tahun, ketersediaan tenaga manusia berkemahiran tinggi, kelompok dan kluster industri elektronik dan semikonduktor yang lengkap, kebolehdiaman (*livability*) dan gaya hidup yang seimbang. Faktor-faktor seperti ini juga dititikberatkan semasa pihak syarikat memilih tapak operasi mereka selain daripada kos perniagaan.

Seperti sektor pembuatan, sektor ekonomi digital juga mempunyai kelebihan dan keunikannya seperti ekosistem industri, ketersediaan tenaga kerja mahir yang kebanyakannya mempunyai keupayaan memahami lebih dari tiga (3) bahasa di mana kebolehan ini sangat diperlukan terutama dalam sektor *Global Business Services (GBS)* dalam memberi perkhidmatan bukan sahaja di dalam Malaysia tetapi semua negara. Terdapat seramai lebih 17,000 tenaga kerja mahir dalam sektor ini. Kebanyakan syarikat GBS memilih Pulau Pinang sebagai lokasi mereka walaupun ibu pejabat berada di luar negara.

Selain daripada menyediakan fasiliti dan ruang pejabat melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC), InvestPenang juga kerjasama dengan pemaju swasta bagi menampung permintaan yang tinggi untuk ruang pejabat bagi

sektor ekonomi digital. Antaranya Node GBS telah dibangunkan di lokasi-lokasi strategik seperti di Bayan Baru, Bayan Lepas dan George Town. Ianya diwujudkan untuk memperkukuhkan ekosistem GBS dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan bagi menyokong operasi syarikat tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah menyediakan bangunan pejabat yang menawarkan infrastruktur bertaraf antarabangsa yang menyediakan persekitaran yang moden serta fasiliti yang sesuai untuk menampung aktiviti bernilai tambah tinggi seperti R&D. Sebahagian daripada bangunan pejabat ini juga mempunyai status bertaraf *MSC Cybercentre* seperti di GBS@Mayang, GBS@Mahsuri, One Precinct, Suntech@Farlim, *Livingston Tower* dan *Albukhary Building*. Node-node GBS ini adalah bertujuan untuk menarik pelaburan serta menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan perniagaan global di Negeri Pulau Pinang, sekaligus menyokong pembangunan ekonomi negeri dengan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan menyumbang kepada peningkatan kecekapan dalam perniagaan global. Ianya sekaligus memastikan syarikat multinasional sedia ada tidak akan beralih ke negara lain bagi mendapatkan kos lebih berdaya saing.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan dan menaik taraf Kawasan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) dan Digital di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Kawasan ini bakal menawarkan sekitar 1.0 juta kaki persegi ruang pejabat premium yang dibangunkan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan pembinaan dua bangunan pejabat utama iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* dengan ruang pejabat seluas 360,000 kaki persegi. Manakala fasa kedua melibatkan pembinaan GBS@Technoplex, dijangka siap pada tahun 2027 dan akan menyediakan di antara 400,000 hingga 500,000 kaki persegi ruang pejabat premium. Bangunan pejabat ini menyediakan ruang pejabat berkualiti tinggi serta lantai yang direka khusus dengan kapasiti beban lantai sebanyak 5 kN/m² dan kapasiti elektrik yang optimum untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Fasiliti ini juga dijangka akan membuka lebih kurang 2,000 - 3,000 lagi peluang pekerjaan baharu.

Selain itu, ruang pejabat dan ruang inkubasi di *GBS TechSpace* akan disediakan untuk membantu syarikat pemula samada tempatan dan antarabangsa mengembangkan idea mereka dan bersedia untuk Pengenalan Produk Baharu (NPI) dengan menyediakan semua kemudahan dan peralatan hanya dalam lingkungan 5km+ dari keseluruhan ekosistem industri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

28. Nyatakan status pelaksanaan Pulau Silikon Pulau Pinang.
- (a) Adakah pembinaan pulau tersebut telah mendapat pelabur-pelabur?
 - (b) Nyatakan perancangan pembangunan ekonomi di kawasan pulau tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Sehingga akhir bulan Oktober 2024, *Silicon Island* (PSI) telah ditambah dengan keluasan yang dianggarkan 50 ekar atau 20.23 hektar setelah kerja penambakan bermula pada September tahun 2023 yang lalu.

Tempoh penambakan akan mengambil masa 10-15 tahun untuk menyiapkan tambakan keseluruhan *Silicon Island* yang berkeluasan sebanyak 2,300 ekar. Sasaran pada masa kini yang ditetapkan adalah untuk menyiapkan tambakan berkeluasan 100 ekar menjelang akhir tahun 2024 ini dan seterusnya 300 ekar setiap tahun mulai 2025. Menjelang 2032, sebanyak 1,260 ekar dijangka siap yang termasuk infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, utiliti, ciri-ciri bandar pintar dan rangkaian hijau-biru.

- (a) Aktiviti pemasaran telah digiatkan sejak bermulanya proses penambakan tahun lepas. Setakat ini, terdapat pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa yang telah memberikan surat tunjuk minat (*expression of interest*) bagi tanah industri, komersial dan perumahan. Syarikat-syarikat ini akan dijemput

menyertai proses tender bagi penjualan tanah *Silicon Island* yang dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2025.

- (b) Aktiviti ekonomi di *Silicon Island* dijangka akan bermula dengan zon industri dengan tersedianya tanah perindustrian. Fasa pertama seluas 100 ekar di kawasan *Green Tech Park* (GTP) pada tahun 2026. Aktiviti pembuatan bernilai tinggi yang akan tertumpu kepada industri elektrikal dan elektronik (E&E) serta semikonduktor di zon perindustrian dijangka akan bermula seawal pertengahan tahun 2027.

Zon komersial fasa pertama dijangka akan siap ditambah sekitar akhir tahun 2026 dengan rancangan pembinaan hab perkhidmatan perniagaan global atau *GBS Campus* di *Silicon Island*. Ruang komersial yang dijangka akan siap sekitar tahun 2028 ini akan menarik pelaburan daripada sektor perkhidmatan perniagaan GBS serta institusi pendidikan dan kemahiran yang penting bagi menyokong industri E&E serta sektor berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

29. Berapakah anggaran peluang pekerjaan yang akan ditawarkan kepada penduduk tempatan dari pembinaan Pulau Silicon?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri membuat sekatan ke atas kebanjiran pekerja asing di pulau tersebut?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Anggaran peluang pekerjaan yang akan ditawarkan kepada penduduk tempatan daripada pembinaan Pulau Silicon adalah bergantung kepada beberapa faktor, termasuk skala projek dan sektor industri yang berkembang. Projek yang memfokuskan kepada pembangunan berteknologi tinggi, dijangka menawarkan banyak peluang dalam bidang-bidang seperti teknologi maklumat, kejuruteraan, pengurusan data, pembangunan perisian, penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta sektor sokongan seperti perkhidmatan kewangan, pengangkutan, dan logistik.

Pulau Silicon akan melibatkan pembangunan taman perindustrian berteknologi tinggi atau *Green Tech Park* (GTP), hab perkhidmatan perniagaan global dan perisian (GBS Campus), pembangunan komersial, perumahan serta kawasan rekreasi hijau yang dijangka bakal menjana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM1.1 trilion, pelaburan sebanyak RM74.7 bilion serta 220,000 peluang pekerjaan.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menitikberatkan keseimbangan antara penglibatan pekerja asing dan peluang

pekerjaan bagi penduduk tempatan, lebih-lebih lagi pelbagai inisiatif kini dilaksanakan bagi menghasilkan tenaga kerja mahir di Pulau Pinang dan mengurangkan impak mahupun risiko terhadap isu *brain drain*. Menuju ke arah perkara tersebut, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan kini sedang memperkenalkan pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran kepada penduduk tempatan agar mereka lebih bersedia untuk mengambil alih pekerjaan-pekerjaan yang lebih teknikal dan berkualiti tinggi, justeru mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam jangka masa panjang. Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang seimbang untuk memastikan pembangunan Pulau Silicon memberikan manfaat kepada penduduk tempatan di samping memastikan bahawa keperluan industri dan pasaran buruh dipenuhi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(IX)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

30. Pusat Transit Gelandangan telah memulakan operasi pada Ogos 2023. Sehingga sekarang, sudah satu tahun beroperasi.
- (a) Senaraikan jumlah gelandangan yang telah ditempatkan di pusat ini dari Ogos 2023 sehingga kini.
 - (b) Berapa ramaikah gelandangan yang telah dipindahkan ke pusat jagaan rumah orang tua di seluruh Malaysia?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. (a) Pusat Transit Gelandangan (PTG) telah beroperasi dan mula menerima penghuni sejak 1 September tahun 2023. Sehingga 10 November 2024, seramai 432 orang gelandangan telah menghuni di PTG. Antara perkhidmatan dan bantuan yang ditawarkan oleh PTG Pulau Pinang adalah pencarian peluang pekerjaan, bimbingan dan kaunseling serta merujuk klien ke Pusat Jagaan Warga Emas sekiranya berumur 60 tahun ke atas.
- (b) Setakat ini hanya, seramai 17 orang penghuni PTG berumur 60 tahun ke atas yang tidak produktif dan tidak mempunyai waris atau keluarga, telah dihantar ke Pusat Jagaan Warga Emas dibawah Jabatan Kebajikan Malaysia dan *Non-Governmental Organization* (NGO) di seluruh Malaysia.